

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**



Peluang terhidang usahawan muda

Kerajaan dilihat amat serius dalam usaha untuk membantu usahawan, terutama golongan muda dan baru dalam mengembangkan potensi dan peluang perniagaan mereka. Terkini Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengumumkan penubuhan Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia (MaGIC) sebagai platform terbaru yang bakal bertindak sebagai pemudah cara yang komprehensif untuk membantu usahawan tempatan mengembangkan operasi perniagaan masing-masing.

Menurut Perdana Menteri, MaGIC yang bakal berperanan sebagai kedai atau pusat sehenti adalah inisiatif khas pihak kerajaan untuk membantu syarikat tempatan terbabit dalam bidang multimedia kreatif, penyelidikan dan pembangunan, penyumberan luar serta pengurusan data. Menariknya, melalui MaGIC ini usahawan tempatan boleh mendapatkan bantuan kewangan daripada bank, modal teroka untuk inkubator membangunkan perniagaan, pendaftaran harta intelek, latihan serta bimbingan dalam perniagaan.

Penulis percaya inisiatif terbaru kerajaan ini bakal menyediakan satu ekosistem keusahawanan yang menyeluruh dan lebih mesra usahawan, apatah lagi kepada usahawan baru dan muda agar mendapat suntikan semangat dan galakan yang meyakinkan daripada pihak kerajaan untuk mengembangkan perniagaan masing-masing.

Tambahan pula Najib yang juga Menteri Kewangan turut mengumumkan bahawa kerajaan akan mewujudkan dana khas untuk membantu usahawan muda yang berminat untuk menceburi dunia keusahawanan. Dana ini dijangka membantu aktiviti dan usaha memulakan perniagaan oleh usahawan muda.

Maklumat terperinci dana ini bakal diumumkan dalam pembentangan Bajet 2014 pada 25 Oktober ini. Pengumuman pelbagai inisiatif dan insentif khusus untuk usahawan, terutama usahawan baru dan muda seperti ini pastinya satu berita gembira kepada golongan muda yang memasang impian untuk bergelar usahawan berjaya.

Kita percaya usahawan baru tidak ada alasan lagi untuk tidak berjaya dalam bidang keusahawanan kerana kerajaan secara berterusan menyediakan pelbagai kemudahan yang menggalakkan. Ekosistem keusahawanan baru ini wajar dimanfaatkan sepenuhnya oleh anak muda yang masih mencari-cari rentak dan tapak

untuk menerokai bidang keusahawanan sebagai kerjaya utama mereka.

Lebih menarik lagi kali ini, kerajaan Amerika Syarikat sendiri melalui program UP Global bersetuju untuk melatih 5,000 usahawan dari seluruh dunia, termasuk Malaysia. Perkara ini diumumkan sendiri Setiausaha Negara Amerika Syarikat, John Kerry yang mewakili Presiden Barack Obama ketika majlis perasmian Sidang Kemuncak Keusahawan Global ke-4 (GES 2013) baru-baru ini.

Melalui UP Global ini usahawan tempatan terpilih bakal memperoleh peluang terbaik untuk mendapatkan pendedahan dan bimbingan daripada usahawan yang berjaya dari seluruh dunia. Ia juga bakal membantu menghubungkan usahawan baru dengan mentor yang akan menunjukkan cara berniaga, membantu menukar idea menjadi sebuah perniagaan serta meletakkan syarikat usahawan tempatan ke tahap yang lebih tinggi. Bukankah ini satu peluang keemasan kepada semua usahawan tempatan?

Hakikatnya selama ini antara rungutan yang sering kita dengar daripada usahawan tempatan kurangnya peluang untuk memperluas dan mengembangkan perniagaan baik pada peringkat tempatan mahupun global, kurangnya pendedahan, latihan mahupun bimbingan untuk memajukan perniagaan serta kesukaran untuk memperoleh dana pinjaman daripada bank untuk dijadikan modal perniagaan.

Rungutan seperti ini sering dijadikan alasan untuk berjaya dalam bidang keusahawanan. Walaupun ada kalanya rungutan ini memang ada kebenarannya, namun usaha dan inisiatif terbaru kerajaan ini pastinya menyediakan satu ekosistem keusahawanan cukup menarik dan menggalakkan. Anak muda yang ada idea yang baik, kreatif dan inovatif perlu merebut segala peluang kerajaan sediakan ini agar dapat menterjemahkan idea mereka kepada perniagaan yang berjaya.

MaGIC, UP Global serta dana khas yang bakal diumumkan dalam bajet antara usaha dan inisiatif berterusan pihak kerajaan untuk memartabatkan jati diri dan keyakinan usahawan tempatan agar dapat memajukan diri, perniagaan dan juga negara secara keseluruhannya.

**Penulis Ketua Bahagian
Hal Ehwal Pelajar
Universiti Putra Malaysia**

FAKTA
MaGIC, UP Global
serta dana khas
bakal diumumkan
dalam bajet inisiatif
berterusan kerajaan